

KY Mustafa letak jawatan atas sebab sendiri: Jaujan

UB 8.8.2019 2

KOTA KINABALU: Peletakan jawatan Datuk KY Mustafa sebagai pengurus Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah atas sebab peribadi.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Jaujan Sambakong berkata, mungkin beliau sebagai pentadbir UMS melihat terdapat keperluan untuk universiti itu tidak dicapai, boleh menjadi salah satu sebab beliau meletak jawatan.

"Kita ada kaedah lain untuk menyampaikan pendekatan kepada Naib Canselor UMS baru untuk bersama-sama menyelesaikan apa juga masalah yang dihadapi."

"Beliau juga adalah tokoh akademik dan berfikiran positif... saya yakin apa yang berlaku dapat diselesaikan secepat mungkin walaupun KY tidak lagi di UMS, beliau boleh menyumbang di tempat lain," katanya ketika sidang

media selepas Mesyuarat Kedua Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-15, di sini pada Rabu.

Jaujan berpendapat pelantikan itu sewajarnya melihat kepada pandangan atau cadangan daripada Kerajaan Sabah terlebih dahulu.

Katanya, merujuk kepada perkara berkaitan pendidikan di sini sebelum ini, Sabah agak terpinggir berbanding negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

"Dari segi kecemerlangan pendidikan sehingga alat prasarana kemudahan pendidikan, semua ketinggalan."

"Apa yang kita mahu adalah pimpinan itu biarlah betul-betul komited, serius dan memahami keperluan di Sabah, terutamanya dari segi prasarana," katanya.

Jaujan yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan berkata, terdapat

pulau di Semporna yang mempunyai sekolah rendah dibina menggunakan papan sahaja, keadaannya masih sama seperti ketika negeri ini mencapai kemerdekaan dahulu.

Katanya, murid negeri ini tidak mampu mendapatkan ilmu lebih tinggi sekiranya prasarana pendidikan yang disediakan tidak kondusif.

"Murid pun tidak mahu datang ke sekolah disebabkan suasana yang tidak selesa, macam mana mahu mereka cemerlang dalam pendidikan."

"UMS juga sekiranya tidak difahami, terdapat ramai anak kita di sana menghadapi masalah, lengkap atau tidak prasarana kita tidak tahu."

"Tetapi sekiranya cadangan kerajaan negeri itu betul-betul dapat menghayati keperluan itu, kemungkinan masalah yang wujud boleh diatasi," katanya.